

# Rais: Peguam Negara perlu teliti kertas siasatan kes Buniyamin

UM 24 AUG 2002

SIMPANG PERTANG 23 Ogos - Peguam Negara perlu meneliti kertas siasatan polis sebelum menentukan kes ke atas bekas Ahli Parlimen Bachok, Buniyamin @ Yamin Yaakob berhubung keuyataannya yang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir menonton video lucah bersama cucunya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, Peguam Negara perlu meneliti dahulu bukti-bukti yang terkandung

dalam kertas siasatan itu terlebih dahulu.

Menurut beliau, kes yang disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 memerlukan penelitian rapi dari pelbagai sudut sebelum dapat menentukan untuk mendakwa atau tidak individu yang disyaki.

"Peguam Negara perlu bertindak mengikut lunas undang-undang dan bukan berdasarkan kepada gesaan orang ramai atau pihak-pihak tertentu.

"Sekiranya Peguam Nega-

ra bertindak secara tidak bijak, ia bukan sahaja akan menjejaskan kes tersebut, tetapi akan menjejaskan kredibiliti Jabatan Peguam Negara," katanya selepas Majlis Penyampaian Cek Sagu Hati Khas dan Pelancaran Bakti Pertiwi Persatuan Bekas Polis cawangan Jelevu dekat sini, hari ini.

Rais memberitahu, kerajaan yakin dengan kewibawaan Peguam Negara untuk menjalankan tugasnya berdasarkan undang-undang negara.